Iklan pada 21.09.2020

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA**
**KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori, Pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut:-

| Bil | Pejabat Yang Memanggil Tender | Nombor Tender / Tajuk Projek (pembiayaan) | Taraf | Syarat Pendaftaran | Tempat & Tarikh Dokumen Dijual | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Tender |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan | JPS/IP/BSMA/01/2020<br><br>Projek Pembaikan Kolam Takungan Banjir dan Koridor Kolam di Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan | Bumiputera | Berdaftar dengan CIDB<br><br>Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah<br><br>Gred : G6<br>Kategori : CE<br>Pengkhususan: CE 06, CE 21, dan CE 32 | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan<br><br>**5.10.2020 (Isnin)**<br>Hingga<br>**20.10.2020 (Selasa)** | **RM300.00**<br><br>Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia<br><br>(Draf bank / Kiriman Wang / Wang Pos | Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan, Tingkat 2, Block C, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan<br><br>**27.10.2020 (Selasa)**<br>Jam 12.00 tengahari |

Lawatan Tapak / Taklimat Projek akan diadakan pada **5.10.2020 (Isnin)** pada jam **9.30 pagi** bertempat di **Dewan Serbaguna JPS Negeri Sembilan, Bahagian Mekanikal dan Stor, Jalan Tunku Kurshiah, Sikamat, Negeri Sembilan (Koordinat : 2.735973, 101.955092).** Kontraktor adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** untuk menghadiri Lawatan Tapak / Taklimat Projek. Namun, sebarang urusan lawatan tapak selain daripada tarikh berkenaan boleh di atur bersama Bahagian Saliran Mesra Alam, JPS Negeri Sembilan dengan mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan. **Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA atau UPKJ serta Sijil Taraf Bumiputera sahaja boleh menghadiri lawatan tapak/sesi taklimat. Kontraktor/Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ. Sila bawa bersama Perakuan/Sijil SPKK/PPK/STB/UPKJ, ASAL dan 1 SALINAN.**

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada penama dan wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil Kontraktor dikehendaki membawa perakuan / sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (jika berkenaan) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil Kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan / sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan).